

MAMPUKAH PEMUZIK-PEMUZIK TEMPATAN BERSAING DENGAN
PEMUZIK LUAR DI KUALA LUMPUR PADA MASA KINI.

TAJUK:

**PENGLIBATAN PERANAN DAN PERMASALAHAN
PEMUZIK TEMPATAN DI DALAM INDUSTRI PERHOTELAN
DI KUALA LUMPUR.**

KES STUDI:

HOTEL CONCORDE KUALA LUMPUR DAN
HOTEL RENAISSANCE KUALA LUMPUR

OLEH:

MOHD. AZHAR B. MOHD. HARITH
KP ITM: 94899106

JABATAN MUZIK
FAKULTI SENILUKIS DAN SENIREKA
ITM, SHAH ALAM SELANGOR

Penghargaan

Alhamdulillah syukur saya ke hadrat Allah kerana dengan berkat kurniaNya dapat saya menyiapkan tesis ini pada waktunya.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada kedua Ibubapa saya Hj. Mohd. Harith b. Hj. Zainal Abidin dan Hjh. Zakina bt Husain. Turut juga, ucapan terima kasih ini saya tujukan kepada Kak Long dan Abang Long, Kak Cik, Shimah serta keluarga di Gopeng, Perak Darul Ridzuan.

Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada penyelia tesis saya iaitu Dr. Ramona Tahir yang selama ini banyak memberi dorongan serta nasihat. Juga tidak dilupakan kepada Cik Hanizah Musib selaku Ketua Kursus Jabatan Muzik, ITM, Shah Alam.

Sementara ucapan terima kasih saya kepada Saudari Juriani kerana sering membantu saya dalam menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada teman-teman seperjuangan di Jabatan Muzik, ITM, Shah Alam.

Berbekalkan semangat dan azam yang kuat setelah mengharungi cabaran dan dugaan, kini terhasillah sudah tesis ini bagi melengkapkan kursus yang diambil.

Sementara itu, saya juga ingin mengucapkan ucapan penghargaan kepada individu-individu dan pihak-pihak yang

Sinopsis

Kewujudan banyak hotel di negara kita ini sememangnya tidak dijangkakan. Peningkatan mendadak aktiviti perhotelan di negara kita banyak dibantu oleh faktor politik dan sosial masyarakat Malaysia.

Secara umumnya, penambahan bilangan hotel bertaraf antarabangsa di Kuala Lumpur amat mengagumkan. Walaupun terdapat saingan daripada beberapa hotel setaraf dengannya, namun perkara seperti ini tidak sepatutnya menjadi satu alasan bagi penguasa hotel untuk tidak bersaing sesama sendiri. Sememangnya, keharmonian daripada masyarakat pelbagai bangsa di negara kita ini adalah faktor kerjaya pihak hotel untuk turut melabur dalam bidang perhotelan.

Kewujudan hotel kini lebih jauh berbeza berbanding pada masa dahulu. Kala dahulu, hotel seperti 3 bintang merupakan antara tarikan utama, tetapi kini penambahan hotel 5 bintang telah menjadi satu kebiasaan kepada pengunjung untuk berkunjung.

Kini hotel di negara kita telah banyak menyediakan pelbagai bentuk kemudahan termasuklah 'hiburan'. Antara perkara yang paling terkenal, di hotel ialah persembahan lounge.

Isi Kandungan

	Mukasurat
Penghargaan	i
Sinopsis	v
Lampiran	viii
Isi Kandungan	x
BAB 1 : MUZIK DALAM DUNIA PERHOTELAN	1
Latarbelakang dan Pengenalan	1
Tujuan	5
Kaedah	7
Organisasi	9
BAB 2: INDUSTRI MUZIK DAN PERHOTELAN DI MALAYSIA	12
Sejarah dan Latarbelakang Industri Muzik dan Hotel	12
a. Sejarah Industri Perhotelan di Malaysia	12
b. Sejarah Industri Muzik di Malaysia	13
Konsep Muzik Dalam Perhotelan	15
Peranan Industri Muzik di Hotel-Hotel	18
a. Peranan Terhadap Sektor Pelancongan	18
b. Peranan Terhadap Penggiat Seni Tanahair	19

BAB 1

MUZIK DALAM DUNIA PERHOTELAN

LATARBELAKANG DAN PENGENALAN

Muzik adalah salah satu cabang seni muzik yang unik. Ada perbagai pendapat yang mentaksirkan makna muzik. Muzik dapat menenangkan fikiran, muzik dan irama tidak dapat dipisahkan, muzik boleh menghiburkan dan muzik itu mendamaikan. Muzik wujud sejak sekian lama dan ia telah bermula dari sejarah muzik tradisional dan ia berubah ubah mengikut perkembangan tamadun manusia dan peredaran masa. Kalau dahulu muzik hanya dapat dinikmati di kalangan istana dan di majlis-majlis keraian pembesar tapi jika dibanding dengan peredaran kini tidak mustahil jika di lihat bahawa pembangunan pesat hiburan muzik dalam dalam zaman kini bergantung akibat pepesatan ekonomi negara dan taraf hidup rakyat yang mewah. Seharusnya, dengan pepesatan ekonomi negara kini wajarlah skop muzik ini diperluaskan lagi kegunaannya untuk generasi yang akan mewarisinya pada masa hadapan.

Muzik dan industri perhotelan sememangnya tidak dapat dipisahkan lagi sekarang ini. Pada sekitar abad yang ke 20